

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN NGA KOR MING [ TAIPING ]**

**TARIKH : 28.10.2015**

**SOALAN :**

**Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan memandangkan Kerajaan Negeri Sarawak telah mengiktirafkan secara rasmi Sijil Peperiksaan *United Examination Certificate (UEC)*, apakah cadangan Kerajaan Persekutuan untuk berbuat demikian dan bilakah ia akan dilakukan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pendirian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berhubung sijil *Unified Examination Certificate (UEC)* masih kekal untuk tidak mengiktiraf **lulusan UEC** atas sebab seperti berikut:

1. UEC merupakan anugerah persijilan peperiksaan yang dikelolakan oleh MICSS yang tidak akur kepada Akta Pendidikan 1996 dan Dasar Pendidikan Kebangsaan;
2. Standard kurikulum UEC adalah tidak sama dengan kurikulum kebangsaan;
3. Piawai dan kawalan ke atas peperiksaan UEC adalah berlainan dengan piawai sistem peperiksaan kebangsaan; dan
4. Kementerian Pelajaran Malaysia tidak mengawal taraf piawai ujian peperiksaan UEC.

Berdasarkan kepada peruntukan dan peraturan pendidikan yang berkuat kuasa di bawah Akta Pendidikan 1996, maka, KPM tidak berhasrat mengiktiraf sijil UEC memandangkan ianya bukanlah pensijilan peperiksaan yang dikendalikan oleh KPM dan sijil UEC tersebut juga tidak diiktiraf oleh kerajaan.

RJM23